

Malaysia membuka tirai Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026) secara rasminya bermula hari ini, menandakan permulaan satu kempen pelancongan nasional berskala besar dengan matlamat mengukuhkan kedudukan negara sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini.

VM2026 digerakkan sebagai pemacu ekonomi baharu yang menyasarkan lonjakan pelawat domestik dan antarabangsa menerusi penawaran pengalaman pelancongan bernilai tinggi, pelbagai dan relevan dengan keperluan pelancong global masa kini.

Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Datuk Shaharuddin Abu Sohot berkata, kempen itu dirancang dengan memanfaatkan sepenuhnya kekuatan teras negara iaitu kepelbagaian budaya, khazanah alam semula jadi dan warisan sejarah, sekali gus memperkukuh jenama *Malaysia Truly Asia* di pentas global.

Menurut beliau, Malaysia kini berada pada tahap kesiapsiagaan tinggi dengan pelaksanaan VM2026 yang digerakkan menerusi pendekatan pelbagai dimensi,



PELANCONG asing tertarik bergambar bersama patung beruang matahari yang dipilih sebagai maskot rasmi VM2026 di Bukit Bintang.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2026

PELANCONGAN BERNILAI TINGGI

menekankan peningkatan keterhubungan, pengukuhan kerjasama strategik serta pemacuan pertumbuhan pelancongan mampan dan bernilai tinggi.

"Fokus utama VM2026

menarik pelawat berkualiti melalui tawaran pelancongan berteraskan pengalaman, memastikan pertumbuhan inklusif serta beri manfaat kepada komuniti seluruh negara," katanya.

VM2026 menyasarkan ketibaan 43 juta pelawat antarabangsa di samping beri penekanan berterusan terhadap peranan penting pelancong domestik.

Sepanjang 2026, lebih 300

acara utama akan dilaksanakan menerusi *Calendar of Events VM2026* antaranya, Petronas Grand Prix of Malaysia, Rainforest World Music Festival serta Pameran Pertanian, Hortikultur

dan Agro Pelancongan Malaysia.

Malaysia juga bakal menyambut ketibaan tahun baharu dengan pengajuran sambutan khas di 55 pintu masuk antarabangsa serta hab pengangkutan utama negara bagi mengalu-alukan kedatangan pelawat sempena pelancaran rasmi VM2026, termasuk pengajuran VM2026 Countdown Festival semalam di Pavilion Kuala Lumpur.

Mengulas kelainan VM2026, Shaharuddin berkata, kempen kali ini menekankan kepada dua tema utama iaitu Destinasi Lestari dan Kaya Budaya yang menonjolkan keindahan alam semula jadi seperti hutan hujan tropika di Sabah dan Sarawak, Langkawi UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) Global Geopark serta Taman Negara.

Kempen itu turut menyokong usaha pemuliharaan dan perlindungan hidupan liar negara, termasuk spesies terancam seperti beruang matahari, orang utan dan harimau Malaya, yang dikukuhkan dengan pemilihan beruang matahari sebagai maskot rasmi VM2026.